

Warta **102** Konvo

Edisi 6 September 2025

**PENGIKTIRAFAN BERTERUSAN
BUKTI KECEMERLANGAN UiTM**

**PENINGKATAN KUALITI TUMPUAN
UiTM PAHANG**

**"SKROL INI TANDA KENANGAN
KAMI SEKELUARGA"**



PENINGKATAN KUALITI TUMPUAN UiTM PAHANG



oleh : Zaidatul Insyirah Suhaini

UiTM Cawangan Pahang berazam untuk menjadikan cawangan mereka sebagai antara yang terbaik bersesuaian dengan kehendak masa kini terutama yang berkaitan dengan aspek infrastruktur dan kualiti penyelidikan.

Menurut Rektor UiTM Cawangan Pahang, Profesor Ts. Dr. Azhan Hashim @ Ismail, menegaskan bahawa tumpuan utama UiTM Cawangan Pahang ketika ini adalah bagi memperkukuhkan infrastruktur kampus serta menggalakkan budaya penyelidikan dalam kalangan pelajar serta pensyarah.

Usaha ini bagi melahirkan graduan yang lebih bersedia sekali gus berdaya saing di peringkat nasional mahupun antarabangsa, bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga menyumbang idea baharu kepada masyarakat.

“Kalau boleh, kita mahu tingkatkan infrastruktur di UiTM Cawangan Pahang bagi membolehkan para pelajar dan staf mendapat suasana yang lebih selesa. Dengan keselesaan

ini, pelajar dapat menumpukan pelajaran mereka dengan lebih baik, khususnya dalam kelas,” katanya ditemui selepas sidang ketiga Istiadat Konvokesyen UiTM ke-102 di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM Shah Alam.

Tambah beliau, selain memberi tumpuan kepada prasarana UiTM, beliau turut berhasrat menggerakkan aktiviti pendidikan dari segi penulisan dengan lebih meluas.

Beliau turut mendorong, semua pelajar khususnya di peringkat ijazah sarjana muda yang terlibat dengan projek tahun akhir untuk menghasilkan produk yang inovatif, tidak kira dalam bentuk sebuah produk mahupun penghasilan jurnal.

“Kita galakkan para pensyarah dan pelajar, terutama pelajar ijazah sarjana muda, menghasilkan projek berinovasi mengikut kreativiti masing-masing. Sama ada dalam bentuk produk ataupun penulisan yang diterbitkan dalam jurnal tertentu, itu semua akan menjadi bukti keupayaan mereka”, jelas beliau.



Profesor Ts. Dr. Azhan Hashim @ Ismail

Bukan itu sahaja, pihak universiti juga turut memberi perhatian terhadap menjalinkan kerjasama strategik bersama industri.

Menurut Profesor Ts. Dr. Azhan lagi, hubungan tersebut penting agar setiap penyelidikan mahupun inovasi yang dihasilkan dapat terus dimanfaatkan oleh semua masyarakat. Usaha ini sekali gus dapat memastikan setiap graduan UiTM peroleh peluang yang besar di industri.

“Saya ucapkan tahniah atas usaha mereka selama ini. Ramai juga yang memperoleh ijazah kelas pertama, tetapi di luar sana cabarannya lebih besar. Mereka perlu menggunakan pengalaman yang ada di universiti untuk memberi sumbangan lebih besar kepada negara, agama dan bangsa. Graduan ini juga adalah duta kecil UiTM, jadi apa yang mereka lakukan akan memberi manfaat kembali kepada universiti”, ucapnya.





**SIDANG REDAKSI
JAWATANKUASA WARTA KONVO 102**

*Hak cipta terpelihara. Diterbitkan oleh
Pejabat Komunikasi Strategik UiTM
Dan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian
Media UiTM*

Penasihat
Prof. Dr Ismie Roha Mohamed Jais,
Penolong Naib Canselor Komunikasi Strategik

Penasihat Editorial
En Abuzar Abdul Halim,
Ketua unit Perhubungan Awam dan Media

Ketua Editor
En Ahmad Faisal Mohamed Fiah,
Timbalan Dekan (HEP) Fakulti Komunikasi
dan Pengajian Media

Ketua Wartawan
Zaidatul Insyirah binti Suhaini

Wartawan
Aidil Adha bin Abdullah
Amni Harith bin Badrul Hisyam

Pereka Grafik
Muhammad Sahil bin Sulaiman
Ezureen Natasya binti Kahar Jaafar

Fotografi
Pejabat Komunikasi Strategik

Unit Perhubungan Awam dan Media
Pejabat Komunikasi Strategik